



## UTHM, Sena Traffic System jalin kerjasama buka pusat penyelidikan

**JOHOR BAHRU:** Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menandatangani surat hasrat (LoI) dengan Sena Traffic System (STS), Rabu lepas, bagi membuka pusat penyelidikan di kampus induk universiti berkenaan di Parit Raja dekat Batu Pahat.

Naib Canselor UTHM Prof Dr Wahid Razzaly berkata, jaringan kerjasama yang ditandatangani beliau dan Pengarah Urusan Kumpulan Sena, Datuk Tan Boon Hock di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UTHM itu sekali gus dapat memastikan graduan yang dilahirkan lebih kompeten manakala penyelidikan yang dilakukan menepati kehendak industri.

“Antara inti pati LoI ini ialah STS akan mengambil langkah strategik dengan membuka pusat penyelidikan di kampus induk UTHM bagi memastikan pelajar dan penyelidik universiti ini mendapat maklumat dan data dengan pantas selain sentiasa mendapat kerjasama yang berterusan daripada pihak industri.

“Selari dengan hala tuju Kementerian Pendidikan supaya universiti berusaha mencari dana, maka melalui kerjasama

ini UTHM juga berupaya menjana pendapatan sendiri melalui sewaan ruang,” katanya menerusi kenyataan, di sini semalam.

Wahid berkata, UTHM merupakan universiti teknikal yang berupaya membantu merealisasikan hasrat STS menghasilkan produk untuk pasaran bandar pintar.

Beliau berkata, Teknologi Industri 4.0 yang diguna pakai dalam kerjasama tersebut amat bersesuaian dengan hala tuju negara dan pelajar UTHM juga akan turut mendapat pendedahan praktikal.

“Pihak UTHM amat kagum dengan sistem lampu trafik canggih yang dibangunkan oleh STS kerana ia berupaya mengurangkan kesesakan jalan raya dan ini dapat mengurangkan pelepasan karbon yang menjadikan bandar-bandar di Malaysia lebih mesra alam.

“Melalui kerjasama ini, saya melihat masyarakat setempat terutama sekolah berdekatan juga akan mendapat manfaat melalui aktiviti tanggungjawab sosial yang boleh dilakukan bersama oleh UTHM dan STS.

“Pendedahan aktiviti penyelidikan bandar pintar boleh menjadi pemangkin

pelajar sekolah untuk mendalami bidang sains dan teknologi yang amat diperlukan oleh negara,” kata beliau.

Wahid berkata, UTHM kini mempunyai ramai penyelidik dan sehubungan itu, universiti tersebut amat mengalu-alukan penyertaan lebih banyak syarikat untuk membuka pusat penyelidikan dan operasi di kampus UTHM sama ada di Parit Raja atau Pagoh.

Sementara itu, menurut kenyataan sama, Tan berterima kasih kepada UTHM kerana mahu bekerjasama dengan pihaknya untuk membangunkan lebih banyak produk inovasi yang boleh diterima pakai dan dikomersialkan di pasaran global.

“Kerjasama ini akan memberi faedah kepada STS yang mana penyelidik dan pelajar dapat terlibat sama dalam penyelidikan yang dilakukan.

“Dengan ini, STS tidak akan kekurangan tenaga kerja mahir untuk menyiapkan projek yang diminta pelanggan. Kemahiran jurutera STS juga boleh terus dipertingkatkan sesuai dengan permintaan semasa melalui kursus pendek yang boleh diberikan oleh tenaga akademik UTHM,” katanya. — Bernama




11 Sep 2018  
Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Author: No author available • Section: News • Page: 17 • Printed size: 358.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 1,334.00  
Item ID: MY0033713993

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



**KERJASAMA:Wahid (tengah) bertukar dokumen dengan Tan (dua kiri) pada Majlis Menandatangani Surat Hasrat (Loi) antara UTHM dan STS di Batu Pahat pada Rabu lepas. — Gambar Bernama**



11 Sep 2018  
Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Author: No author available • Section: News • Page: 17 • Printed size: 358.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 1,334.00  
Item ID: MY0033713993



 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3

## SUMMARIES

JOHOR BAHRU: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menandatangani surat hasrat (LoI) dengan Sena Traffic System (STS), Rabu lepas, bagi membuka pusat penyelidikan di kampus induk universiti berkenaan di Parit Raja dekat Batu Pahat.